

Melaporkan Kelemahan dalam Produk DRÄXLMAIER atau Sistem IT



Melaporkan Kelemahan dalam Produk DRÄXLMAIER atau Sistem IT

Jika anda telah menemui potensi kelemahan keselamatan dalam salah satu produk kami atau dalam sistem IT kami, sila laporkan kepada kami dengan menghantar e-mel ke peti e-mel kami di cert@draexlmaier.com.

Maklumat berikut diperlukan dalam e-mel supaya kami boleh membalas mesej:

1. Subjek mesej

Jika ia merupakan potensi kelemahan keselamatan dalam salah satu produk kami, sila letakkan "Melaporkan kemungkinan keselamatan siber automotif / kelemahan keselamatan produk" dalam baris subjek. Jika, sebaliknya, ia adalah kelemahan dalam salah satu sistem IT kami, sila letakkan "Melaporkan kemungkinan kelemahan keselamatan maklumat" dalam baris subjek.

2. Bahasa

Sila hantar maklumat anda dalam bahasa Inggeris atau German.

3. Hubungi

Untuk memproses mesej anda, kami memerlukan data hubungan daripada anda. Sila ambil perhatian maklumat mengenai perlindungan data.

4. Maklumat untuk menghasilkan semula kelemahan

Untuk membolehkan kami menghasilkan semula potensi kelemahan keselamatan, kami memerlukan maklumat yang mencukupi daripada anda:

- Penerangan terperinci tentang potensi kelemahan keselamatan dan cara mengeksploitasinya.
- Produk (cth. nama komponen, nombor bahagian, versi perisian) atau sistem IT (cth. nama, alamat IP, perisian) yang terjejas oleh potensi kelemahan keselamatan.
- Masa dimana anda mula menemui kelemahan keselamatan.
- Keperluan yang mesti dipenuhi untuk mengeksploitasi potensi kelemahan keselamatan.

Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan

Jika terdapat sebarang hubungan daripada maklumat yang diterima tentang kelemahan keselamatan dalam keselamatan siber automotif / kawasan keselamatan

produk atau keselamatan maklumat, kami akan menghubungi anda dalam masa 72 jam selepas menerima mesej anda.

Terima kasih di atas kerjasama anda

Informasi tentang perlindungan data

Pengawal data mengikut Perkara 4 no 7 GDPR adalah Lisa Dräxlmaier GmbH, Landshuter Straße 100, 84137 Vilsbiburg, Germany. Pegawai Perlindungan Data Syarikat boleh dihubungi di alamat seperti di bawah:-

Pegawai Perlindungan Data, Lisa Dräxlmaier GmbH, Landshuter Str. 100, 84137 Vilsbiburg, Germany atau melalui e-mel di privacy@draexlmaier.com

Bila anda menghubungi kami melalui e-mel kami akan memproses butiran yang diberikan untuk menyelesaikan masalah yang dilaporkan dan jika perlu kami akan menghubungi anda untuk keterangan yang lebih lanjut. Alamat e-mel yang sah diperlukan untuk membolehkan kami memberi maklum balas kepada permintaan anda. Anda juga boleh memberikan informasi lain secara sukarela. Pemrosesan data untuk tujuan menghubungi kami dilakukan mengikut Perkara 6 para 1 ayat 1 "lit" a) GDPR atas dasar anda memberikan persetujuan dengan sukarela dengan menghantar data anda. Tujuan data anda diproses adalah untuk membuat laporan tentang kelemahan keselamatan siber / produk atau informasi yang dilaporkan oleh anda. Data peribadi yang diberikan oleh anda akan dilupuskan oleh kami setelah ianya diproses, kecuali ianya diperlukan atas sebab perundangan atau sebab lain yang memberikan hak kepada kami untuk menyimpan data tersebut untuk tempoh yang lama.

Kami tidak menggunakan data peribadi anda yang dikumpul daripada anda untuk membuat keputusan secara automatik (termasuk pemprofilan).

Anda tidak ada obligasi untuk memberikan data anda, tetapi kami tidak dapat memproses e-mel anda tanpa data hubungan.

Untuk maklumat tentang hak anda sebagai subjek data, hak untuk membuat aduan, hak untuk menarik balik kebenaran dan maklumat lanjut tentang pemrosesan data, sila rujuk ke notis perlindungan data. [Data protection \(draexlmaier.com\)](https://www.draexlmaier.com/Data-protection)